

08/09/2000

Aduan helah politik pembangkang

SEPANG, Khamis - Langkah pembangkang membuat aduan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengenai dakwaan skandal seks membabitkan bekas Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar adalah helah politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan tindakan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Azmin Ali itu, adalah tindak tanduk mencari kesalahan orang lain.

"Ini macam witch hunt (mencari kesalahan orang lain). Kita pun boleh cari banyak juga di tempat-tempat lain. Ini politik, bukan agama, bukan apa-apa ... itu politik," katanya kepada pemberita sekembalinya daripada lawatan kerja ke Amerika Syarikat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hari ini.

Azmin kelmarin membuat laporan kepada Jais meminta supaya dakwaan skandal seks dan anak luar nikah membabitkan Abu Hassan disiasat kerana ia sudah disiarkan secara meluas di media tempatan dan luar negara.

(END)